

09 AUG 1999

Mahathir-Agex

DR MAHATHIR AKAN RASMI AGEX '99

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi sektor pertanian Asia pada alaf baru serta tumpuan utama terhadap kaedah baru dan pertanian mapan tersenarai dalam agenda Konvensyen dan Ekspo Pertanian Asia 1999 (Agex '99) dari 26-31 Ogos.

Pengerusi jawatankuasa penganjur Agex '99 Prof Mohamed Yusof Hussein hari ini berkata bahawa ekspo selama enam hari itu akan diadakan di Stadium Putra di Bukit Jalil manakala Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan menjadi venue bagi persidangan tiga hari, kedua-duanya bermula pada 26 Ogos.

Bercakap pada sidang media di sini, beliau berkata Agex '99 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serentak dengan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan, di stadium itu.

"Konvensyen itu meletakkan sasaran bagi memberi laluan, sinergi dan menggerakkan pelaburan dan pemindahan teknologi antara masyarakat pertanian Asia," katanya.

Katanya limabelas aspek utama aktiviti berkaitan pertanian yang terdiri daripada pertanian luar pesisir kepada akuakultur dan pengeluaran ternakan kepada perdagangan elektronik akan dibincangkan.

Duabelas pakar dari Britain, Taiwan, India, Costa Rica, Cuba, Malaysia dan Amerika Syarikat akan membentangkan kertas kerja mengenai pelbagai kemajuan dalam pertanian.

Di samping itu, lebih 200 syarikat dari 35 negara akan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka pada ekspo itu yang dijangka menarik kira-kira 100,000 pelawat.

Prof Mohd Yusof berkata multimedia akan menjadi tumpuan utama pada Agex '99.

Acara itu dianjurkan bersama oleh Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Malaysian Travel Business Sdn Bhd dan Happening Events Sdn Bhd.

-- BERNAMA

MAM RHM